



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AL-QURAN MEMIMPIN KEJAYAAN

Tarikh Dibaca:

**1 RABIULAKHIR 1446H /
4 OKTOBER 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْتَعِينُوا بِرَبِّكُمْ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

AL-QURAN MEMIMPIN KEJAYAAN

4 OKTOBER 2024 / 1 RABIULAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا

كَبِيرًا ، (سورة الإسراء)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Al-Quran Memimpin Kejayaan**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Allah SWT menyampaikan pujian-Nya terhadap al-Quran yang diturunkan kepada Rasul-Nya, Muhammad SAW, sebagai kitab samawi yang paling agung dan paling luas cakupannya dalam semua cabang ilmu. Allah SWT juga menegaskan bahawa al-Quran merupakan petunjuk yang benar yang membawa seseorang ke jalan yang lurus dan terang dan sekaligus membawa berita gembira kepada orang-orang soleh.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 9 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar”.

Al-Quran berperanan sebagai panduan untuk kehidupan manusia. Berusahalah mempelajari, membaca, memahami dan melaksanakan tuntutan al-Quran. Diriwayatkan daripada Jabir *radhiallahu 'anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْقُرْآنُ شَافِعٌ مُّشَفَّعٌ وَمَا حِلُّ مُصَدِّقٍ مَنْ جَعَلَهُ أَمَامَهُ قَادَهُ إِلَى الْجَنَّةِ وَمَنْ جَعَلَهُ
خَلْفَ ظَهْرِهِ سَاقَطَهُ إِلَى النَّارِ

Maksudnya: “Al-Quran ialah pemberi syafaat (syafaatnya akan diterima) dan sebagai penghujah (hujahnya disokong). Barangsiapa meletakkan al-Quran di hadapannya maka al-Quran akan memandunya ke syurga dan barangsiapa yang meletakkan al-Quran di belakangnya, maka al-Quran akan mencampakkannya ke neraka”. (Hadis riwayat Ibn Hibban)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Konsep masyarakat madani telah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW di Madinah selama sepuluh tahun. Antara salah satu ciri terpenting masyarakat madani ialah adanya pembangunan masyarakat yang berlandaskan **keadilan dan takwa** kepada Allah SWT.

Ajaran Islam, melalui al-Quran dan al-sunnah, turut menggariskan beberapa ciri masyarakat yang madani, antaranya;

1. Memiliki keinginan untuk hidup lebih baik.

Dalam peristiwa hijrah Rasulullah SAW, perkara pertama yang Baginda fokuskan ialah kesediaan Kaum Muhajirin dan Ansar dalam membangun masyarakat yang beradab secara bersama. Maka, dalam tujuan itu, perkara asas yang disentuh ialah memantapkan hubungan persaudaraan dalam masyarakat antara mereka. Dengan asas itu, maka Rasulullah SAW dapat membina struktur masyarakat yang rapi dan kuat.

2. Sentiasa berlaku jujur dan adil.

Sifat jujur mencerminkan hati seseorang manusia. Al-Quran juga menekankan tentang pentingnya sifat jujur sebagaimana disebut dalam Surah at-Taubah ayat 119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ^{١١٩}

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar (jujur)".*

3. Masyarakat penyayang dan penyebar kasih sayang.

Sifat kasih sayang sesama masyarakat bertindak sebagai pelekat yang menjadi pengukuh kepada struktur masyarakat. Ia akan membentuk sebagai dinding yang menghalang sebarang bentuk serangan yang bertujuan mengganggu gugat kesejahteraan negara. Ia juga merupakan perintah Rasulullah SAW sebagaimana sabda baginda,

ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمَكُم مَّنْ فِي السَّمَاءِ

Maksudnya: *"Sayangilah sesiapa yang ada di muka bumi, nescaya kamu akan disayangi oleh sesiapa sahaja yang ada di langit". (Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)*

4. Keperibadian dan masyarakat yang soleh.

Antara ciri masyarakat yang soleh ialah jujur, adil, amanah, saling memaafkan, dermawan, bersopan-santun, dan lain-lain lagi. Sifat-sifat ini memberi kebaikan, kedamaian, keamanan, dan kebahagiaan bukan sahaja kepada diri sendiri malah terhadap masyarakat di sekeliling. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Qasas ayat 77:

وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya: “dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

5. Bertoleransi terhadap orang lain.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebegitu lengkapnya al-Quran yang berperanan menjadi penerang dan pembimbing manusia sehingga berjaya. Pasti, kejayaan yang didamba ialah kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat. Maka, semestinya, bagi setiap umat Islam untuk sentiasa menjadikan al-Quran sebagai bacaan, renungan dan rujukan utama dalam kehidupan yang penuh pancaroba ini.

Justeru, dalam usaha menanamkan kecintaan, kefahaman dan kesedaran tentang al-Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan menganjurkan **Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTHQA) Ke-64 Tahun 1446H/2024M** yang mengangkat tema: “**Al-Falah Pemacu Malaysia Madani**”, bermula pada 5 hingga 12 Oktober 2024 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Marilah,

kita bersama-sama mengambil seberapa banyak hikmah dan pengajaran yang terdapat dalam al-Quran agar kita semua termasuk dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang berjaya.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan beberapa perkara:

Pertama: Perbanyakkanlah membaca dan merenungi al-Quran, kerana ia menunjukkan jalan yang benar menuju keredhaan Allah SWT.

Kedua: Konsep asas masyarakat yang berjaya berlandaskan keadilan dan takwa kepada Allah SWT.

Ketiga: Berpegang teguhlah dengan al-Quran dan al-Sunnah yang ditinggalkan oleh Baginda Rasulullah SAW supaya kita menjadi orang yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah Faatir ayat 32:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ بإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ۝٣٢

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengendahkan ajaran al-Quran), dan antaranya ada yang bersikap sederhana, dan antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
 وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
 بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى
 النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٦٦
 اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
 إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُّجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اَللّٰهُمَّ اَيَّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانْ اَكُوغْ سُلْطَانْ إِبْرَاهِيمَ.
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالِيسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ
 زَارِيْثْ صُوفِيَاهُ.
 اَللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana pun. Ya Allah! Kami mohon agar Engkau angkatlah bencana dari Gaza dan rakyatnya, berilah mereka kemenangan ke atas musuh mereka, ampuni mereka dan singkirkanlah duka yang melanda kami dan mereka. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahatan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Dengan rahmat-Mu, wahai Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.